

# SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji,  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## SIMPANAN DI TABUNG HAJI SELAMAT

**KUALA LUMPUR, 26 Januari 2016** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini memberi jaminan kepada para pendepositnya bahawa simpanan mereka di **TH** adalah selamat.

**TH** telah menjadi sasaran pelbagai spekulasi di dalam laman-laman sosial dan blog sejak beberapa hari ini mengenai tarikh pembayaran Bonus Pendeposit **TH** 2015 dan surat Bank Negara Malaysia (BNM) .

Seperti yang telah dinyatakan oleh **TH**, tarikh pengumuman dan pembayaran Bonus **TH** adalah kebiasaannya pada suku pertama setiap tahun (Jan – Mac). **TH** ingin memberi jaminan bahawa tidak terdapat sebarang kelewatan dalam mengumumkan bonus kepada para pendeposit. Sebelum pengumuman dibuat, **TH** perlu mengambil kira keadaan ekonomi semasa, memastikan semua proses audit dilalui dan kelulusan dalaman diperolehi sebagai sebahagian daripada proses urus tadbir yang baik.

Tahun 2015 adalah mencabar dan hasil daripada Strategi Alokasi Aset dan Pengurusan Risikonya, ia telah dapat menjana pulangan pendapatan yang baik. Walaubagaimanapun, **TH** juga perlu membuat persediaan yang rapi untuk menghadapi cabaran ekonomi 2016 dan masa hadapan agar ia lebih berdaya saing untuk menghadapi situasi tersebut. Oleh yang demikian dalam menetapkan kadar bonus **TH** mesti mengambil kira keadaan ekonomi semasa

termasuk pasaran saham, harga minyak dan kadar pertukaran matawang yang akan memberi kesan kepada ekonomi negara.

Prestasi kewangan **TH** berada dalam keadaan baik disokong oleh aset-asetnya yang kukuh termasuk peratusan mudah tunai yang tinggi. Contohnya, aset tunai sahaja pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM10.7 bilion.

Di samping itu, pendeposit tidak perlu risau kerana simpanan mereka di **TH** dijamin oleh Kerajaan, sebagaimana yang termaktub dalam Akta Tabung Haji. **TH** juga tidak pernah lari dari tujuan asal penubuhannya dalam membantu umat Islam di Malaysia menunaikan Rukun Islam ke-5.

Merujuk kepada surat BNM yang menyatakan nilai aset **TH** lebih rendah dari liabiliti, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi yang mencabar dan kelembapan pasaran saham. Untuk mengukuhkan kedudukan **TH**, BNM memberi cadangan agar mengkaji semula polisi rizab **TH**.

Sebagai sebuah institusi kewangan Islam berkaitan kerajaan, **TH** sentiasa bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan langkah dan keperluan risiko dipatuhi. **TH** mengambil maklum saranan BNM untuk mengkaji semula polisi rizabnya sebagai langkah penambahbaikan dan pengukuhan yang berterusan.

Untuk makluman pendeposit, nilai aset **TH** mestilah mengambil kira keseluruhan nilai saksama portfolio pelaburan **TH**. Ini adalah kerana nilai aset yang dinyatakan tidak mengambil kira **portfolio pelaburan** seperti saham anak-anak syarikat atau syarikat bersekutu, serta aset perladangan dan harta tanah yang diduduki **TH**.

Sepanjang tahun kewangan 2014 dan 2015, nilai keseluruhan aset **TH** adalah lebih tinggi daripada nilai liabiliti **TH**, dimana ia mengambil kira kesemua nilai saksama portfolio pelaburan **TH**.

Ingin saya sarankan agar para pendeposit lebih berhati-hati dalam menilai sesuatu berita yang disebarluaskan melalui media sosial. Oleh yang demikian, saya ingin menegaskan bahawa **TH** tidak menghadapi masalah kewangan.

**TH** juga tidak pernah lupa objektif penubuhannya dalam membantu rakyat Malaysia untuk menunaikan haji. Prestasi cemerlang **TH** serta pemberian subsidi haji dan bonus kepada pendeposit setiap tahun membuktikan kedudukan kewangan **TH** adalah kukuh.

Insyallah, **TH** akan mengumumkan bonus pada awal bulan Februari 2016 setelah melalui proses-proses dalaman dan auditan interim seperti lazimnya setiap tahun.

**Tan Sri Ismee Ismail**

**Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif**

**Lembaga Tabung Haji**

---

### **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, harta tanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 120 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919.